

- Kurangkan penggunaan penghawa dingin.
- Padamkan lampu dan kipas jika tidak menggunakannya.
- Berkongsi kereta ke pejabat.
- Jangan bakar sampah secara terbuka.
- Buangkan bahan-bahan buangan yang membahaya dengan sempurna. Hubungi majlis-majlis tempatan bagi mendapatkan pandangan.
- Jangan buang minyak, racun serangga, cat dan bahan-bahan toksik/beracun ke dalam longkang atau sungai. Buangkan dengan sempurna.
- Jangan biarkan peti sejuk yang tidak digunakan di halaman rumah. Hubungi majlis tempatan atau peniaga bahan buangan untuk mengambilnya.
- Jika boleh, jangan gunakan alat penghawa dingin di rumah.
- Belilah sayur-sayuran dan buah-buahan yang ditanam secara organik.
- Gunakan peralatan elektrik yang dapat menjimatkan tenaga.
- Minta kajian "Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sebelum sesuatu projek dimulakan di kawasan anda.
- Tubuhkan jawatankuasa alam sekitar di kawasan anda.
- Buat sesuatu projek atau kraftangan yang dibuat dengan barangan yang terpakai.



'Maxis Bridging Communities adalah satu program komuniti yang dilaksanakan dengan objektif untuk menghubungkan masyarakat kepada teknologi melalui program-program pendidikan dan kemasyarakatan.'



Sebab di Maxis, kami percaya apalah erti teknologi tanpa KEHIDUPAN

Maxis Communications Berhad

(158400-V)

Aras 18, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre

Off Jalan Ampang,

50088 Kuala Lumpur

Tel: 603-2330-7000

Fax: 603-2330-0590


<http://www.maxis.com.my>

A Joint Publication by



Gabungan Persatuan-
Persatuan Pengguna-
Pengguna Malaysia

Peliharalah Alam Sekitar Kita



Pencemaran terhadap alam sekitar memberikan kesan yang buruk kepada kesihatan manusia. Jika tidak dibendung, ia boleh membawa kepada kematian. Tugas untuk mengawal alam sekitar bukan dibebankan kepada individu atau kumpulan tertentu sahaja, tetapi oleh semua orang. Sebagai pengguna yang bertanggungjawab, langkah-langkah ke arah pengawalan alam sekitar daripada tercemar perlu dilakukan.



Cara-cara Memelihara Alam Sekitar Kita

Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita hendaklah bersama-sama membantu memelihara alam sekitar. Beberapa langkah berikut hendaklah dilakukan dan diamalkan untuk tujuan tersebut.

- Asingkan bahan-bahan buangan sebelum membuangnya atau masukkan dalam tong kitar semula.
- Elakkan daripada penggunaan racun serangga atau makhluk perosak yang mengandungi bahan kimia.
- Buatlah baja 'compost' sendiri - menggunakan najis haiwan yang telah diproses semula menjadi baja.
- Banyakkan penanaman pokok-pokok.
- Kurangkan minum minuman dalam bungkusan.
- Jangan menggunakan alat penyembur aerosol yang mengandungi kloroflourokarbon.
- Kurangkan penggunaan plastik.
- Bawa beg atau kereta sorong apabila membeli belah. Masukkan barangan yang dibeli di dalam beg.

- Beli barang-barang yang tidak mencemarkan alam sekitar.
- Jangan beli barangan yang membahayakan kehidupan liar seperti gading, bulu dan kulit binatang.
- Bantulah memelihara hutan rimba.
- Gunakan semula kertas yang telah digunakan di dalam pejabat.
- Buat fotokopi di sebelah belakang kertas terpakai.
- Gunakan semula sampul surat lama.
- Anjurkan kempen kebersihan di kawasan anda.
- Didik keluarga anda tentang alam sekitar.
- Berjalan kaki atau berbasikal jika perlu, atau gunakan kenderaan awam
- Apabila memandu di kawasan yang lengang, hadkan kelajuan kepada 80 km hingga 100 km sejam. Ini kerana kelajuan ini menjimatkan minyak. Pandu dengan perlahan dan cermat di kawasan yang sibuk.

- Gunakan penukar bermangkin (*catalytic converters*) pada kenderaan. Alat ini dapat membantu mengurangkan pengeluaran Karbon Monoksida dan Hidrokarbon.
- Gunakan minyak petrol tanpa plumbum pada kenderaan.
- Apabila memulakan enjin kenderaan, pastikan ia dibuat dengan penalaan yang sewajarnya. Penalaan yang tidak betul akan menyebabkan pencemaran udara akibat pembakaran yang lemah.
- Beli barang keperluan yang tahan lama bagi mengurangkan pembuangan sampah sarap.
- Elakkan daripada menggunakan racun makhluk perosak.
- Belilah peti sejuk yang berlabel *ozone friendly*, iaitu yang tidak mengandungi klorofluorokarbon (CFC).
- Elakkan daripada menggunakan alat semburan yang mengandungi aerosol.
- Gunakan pengangkutan awam.